

**Banjir: Najib Ucap Terima Kasih Kepada Semua Pihak Yang Membantu  
Bernama  
Jan 6, 2015**

KUALA LUMPUR, 6 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang membantu dalam usaha menyelamatkan dan membaik pulih kawasan-kawasan yang dilanda musibah banjir.

Melalui catatan dalam laman Facebooknya, Selasa, Perdana Menteri berkata jasa dan pengorbanan pelbagai golongan rakyat Malaysia itu tidak akan dilupakan.

"Air banjir semakin surut namun kerja-kerja pemulihan dan pembersihan masih diperlukan serta giat dilaksanakan. Saya ingin berterima kasih kepada semua pihak yang membantu dalam usaha menyelamatkan dan membaik pulih kawasan yang dilanda banjir.

"Erti kata 'berat sama dipikul, ringan sama dijinjing' dapat dilihat daripada kesepakatan dan kerjasama pelbagai golongan rakyat Malaysia, daripada anggota-anggota keselamatan negara, badan-badan kerajaan, pertubuhanbukan kerajaan hinggalah kepada orang awam," katanya.

Keadaan banjir di Malaysia kini secara umumnya bertambah baik, dengan jumlah mangsa yang dipindahkan menurun kepada kira-kira 30,000 orang petang Selasa berbanding 200,000 ketika bencana itu memuncak baru-baru ini.

--BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source :<http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1098419>